

GEO *Tour de* Malaysia

KERJA LAPANGAN PELAJAR
GEOSAINS TAHUN 3

m.s. : 20





PROGRAM FAKULTI SAINS BUMI BERSAMA

PELAJAR ASASI SAINS UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Hamzah Hussin

Satu program Fakulti Sains Bumi bersama dengan pelajar Asasi Sains UMK telah diadakan pada 15 April 2023. Program ini berlangsung di sekitar bangunan Fakulti Sains Bumi. Tujuan program ialah untuk mempromosikan semua program pengajian yang ditawarkan oleh Fakulti Sains Bumi. Program ini melibatkan semua jabatan pengajian di Fakulti Sains Bumi iaitu Jabatan Geosains dan Jabatan Sains Alam Sekitar dan Kelestarian. Pelajar Asasi Sains UMK dipecahkan kepada 10 kumpulan, dan perlu melawat 10 lokasi berbeza, yang telah ditetapkan oleh fasilitator.

Setiap lokasi disediakan aktiviti yang sesuai, bertujuan untuk memberi maklumat tentang setiap program pengajian di Fakulti Sains Bumi. Aktiviti secara fizikal dan sesi penerangan oleh para pensyarah, dan dibantu oleh fasilitator diharapkan boleh membuka mata para peserta tentang keistimewaan dan kelebihan yang ada pada setiap program pengajian yang ditawarkan. Program ini telah berjalan dengan lancar dan mendapat sambutan yang sangat baik daripada pelajar Asasi Sains UMK.